

## TAJUK: KEMERDEKAAN SEBENAR MENURUT ISLAM

Menurut terminologi bahasa arab, kemerdekaan disebut sebagai “حرية” dan ’استقلال’ yang bermaksud seseorang itu berupaya melepaskan diri daripada tekanan dan berusaha untuk bangkit daripada penindasan. Menurut Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka, merdeka diistilahkan kepada bebas daripada penjajahan, kurungan, naungan, melepaskan diri daripada tebusan dan tidak bergantung pada yang lain. Bagi konteks Negara ini, kemerdekaan bermaksud pembebasan dan cengkaman daripada penjajah seiring dengan pengistiharan sejarah kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957. Alhamdulillah kita semua rakyat Malaysia bakal menyambut hari kemerdekaan pada 31 Ogos akan datang dengan bertemakan “ Jiwa Merdeka” yang menjelaskan sebagai konsep utama dan nilai-nilai yang dipegang oleh Malaysia dalam mencapai kemajuan dan kesejahteraan Negara kita.

Menyingkap kembali pada zaman jahiliah dan zaman Nabi SAW dalam konteks memerdekakan hamba. Amalan perhambaan sangat sinonim dan merupakan tradisi yang sangat lumrah pada ketika itu. Oleh itu, dengan kedatangan Islam yang merupakan agama yang syumul, suci dan adil, maka Islam telah mengangkat status perhambaan ini. Ini berlaku pada zaman pemerintahan Parsi, Islam telah mengangkat dan merdekakan jiwa manusia daripada perhambaan dan diangkat menjadi hamba hanya kepada Allah SWT. Sebagaimana dinyatakan oleh Rib’i bin ‘Amir di hadapan Panglima Angkatan Tentera Parsi, “Allah yang membangkitkan kami agar kami mengeluarkan sesiapa yang dikehendakiNya dari pengabdian sesama hamba menuju pengabdian kepada Allah, dari kekejaman agama-agama kepada keadilan Islam, dari dunia yang sempit kepada keluasan dunia dan akhirat”.

Dalam konteks perhambaan yang digariskan oleh syarak, perhambaan ini adalah berlaku ke atas musuh yang dikalahkan dalam perang iaitu hamba yang berlainan agama kepada yang sudah berstatus hamba. Muslim yang merdeka tidak boleh dihambakan oleh Muslim yang lain kecuali jika sudah berstatus hamba. Ini menunjukkan bahawa betapa besarnya erti kemerdekaan sehinggakan terdapat satu

hadis dari Nabi SAW yang memberikan fadilat yang besar terhadap pembebasan hamba ini. Daripada Abu Hurairah r.a., Rasulullah SAW bersabda :

مَنْ أَعْتَقَ رَقَبَةً أَعْتَقَ اللَّهُ بِكُلِّ عَضْوٍ مِنْهَا عَضْوًا مِنْ أَعْضَائِهِ مِنَ النَّارِ حَتَّىٰ فَرَجَهُ بِفَرْجِهِ

Maksudnya: *“Barangsiapa yang membebaskan seorang hamba, Allah akan membebaskan setiap anggota badannya daripada neraka sehingga dia terselamat dengannya.”*

Marilah sama-sama kita hayati dan ingati kembali sejarah kemerdekaan negara ini yang dijajah oleh pemerintahan British. Dengan berkat perjuangan tokoh - tokoh dan pejuang kemerdekaan yang hebat seperti Tun Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun Tan Cheng Lock, Tok Janggut, Tok Gajah dan ramai lagi pejuang yang memperjuangkan kemerdekaan sehingga meninggalkan kesan yang amat besar terhadap sejarah negara ini, maka terbentuklah sebuah Negara Tanah Melayu yang merdeka dan berdaulat . Walaupun negara kita telah bebas daripada era penjajahan, namun begitu masih ramai lagi yang cabaran dan pengaruh ideologi barat yang sukar ditinggalkan terutamanya bagi anak-anak muda remaja dan meningkat umur yang mengamalkan cara hidup hedonisma. Bukan itu sahaja, keadaan ini bakal menjadi barah dalam masyarakat kita jika tidak dibendung dengan nilai-nilai Islam. Kita sendiri boleh melihat bagaimana kemerdekaan itu disambut dengan disajikan pelbagai hiburan yang tidak bermanfaat dan melalaikan yang akan merosakkan akhlak anak-anak muda masa kini seperti pergaulan bebas yang boleh membawa kepada penzinaan. Kelahiran anak luar nikah dikalangan remaja semakin membimbangkan hasil daripada hubungan seks bebas di kalangan mereka. Adakah ini betul-betul diertikan sebagai merdeka dalam masyarakat kita?. Oleh itu, sebagai seorang Muslim yang prihatin dengan zaman yang semakin mencabar ini. Sudah menjadi tanggungjawab kita supaya mengamalkan amar makruf nahi mungkar kerana begitu sayangnya jika anak-anak ini terus terjerumus dengan kemaksiatan yang tidak berkesudahan. Sebagaimana dalam firman Allah SWT dalam al-Quran dalam surah ‘Ali Imran ayat 104 yang menyatakan bahawa:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya: *“Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat*

*segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya”*

Sebagai seorang Muslim yang sebenar, kemerdekaan seorang hamba adalah menjadi hamba Allah yang melaksanakan ketauhidan terhadap Allah serta berusaha menjadi hamba Allah yang terbaik dan berusaha meninggalkan perkara-perkara kemaksiatan. Kemerdekaan yang sebenar adalah kebebasan daripada penjajahan yang merosakkan akidah kita kepada Allah SWT. Oleh itu, bagi memelihara erti kemerdekaan dalam setiap diri kita, maka setiap Muslim dalam negara ini perlu melaksanakan setiap suruhan agama Islam serta meninggalkan larangan yang telah ditetapkan oleh syarak. Ini kerana Islam adalah satu satunya agama yang membebaskan amalan khurafat dan menyekutukan Allah . Sebagaimana firman Allah dalam surah al-Hujurat ayat 13:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقَىٰكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Maksudnya: *“Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu)”*

Sebagai umat Islam di masa kini, kemerdekaan yang kita kecapi haruslah dipertahankan oleh semua rakyat Malaysia. Bagi menanamkan semangat perjuangan dan menyemarakkan semangat kemerdekaan, kita sebagai rakyat Malaysia haruslah mempunyai kefahaman ahli Sunnah wal jamaah yang tetap dan teguh sebagai benteng rohani yang tidak boleh luntur. Kita hendaklah berusaha menjadi umat Islam yang terbaik serta mempunyai kualiti yang terjamin untuk menangkis segala ajaran, fahaman, pegangan atau ideologi yang bercanggah dan menyeleweng dari akidah ahli Sunnah wal jamaah. Sesungguhnya, usaha memasukkan ajaran yang berlainan dari ahli Sunnah wal jamaah untuk masyarakat Islam di negara ini dikhuatiri akan memecahbelahkan masyarakat, serta mengganggu kestabilan dan keharmonian negara. Ahli Sunnah wal jamaah memperjuangkan keadilan dalam segala aspek kehidupan baik dalam pemerintahan mahupun dalam hubungan sosial. Penindasan dan ketidakadilan perlulah ditentang selari dengan akidah ahli Sunnah wal jamaah yang berjuang dalam hak asasi manusia termasuk

hak atas kemerdekaan dan keadilan. Kita seharusnya menyokong musyawarah dan memandang pentingnya kebebasan berbicara dan memberi pendapat untuk mengorak langkah memilih keputusan yang baik dalam urusan agama mahupun dunia. Kemerdekaan ini menzahirkan kebebasan masyarakat melalui aspek pemikiran, intergrasi sosial dan ekonomi seterusnya membentuk kesatuan rakyat yang kukuh, harmoni serta progresif. Ayuh kita semarakkan nilai kemerdekaan dengan sedalam-dalamnya dalam diri kita, merdeka! merdeka! merdeka!.